

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
PEJABAT BENDAHARI**

KUiTTHO.PB/10.12/14(**40**)

9 Januari 2007

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.3/2007

Semua Pengurus Bahagian

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
Parit Raja, Batu Pahat

Assalamualaikum

Y. Bhg. Prof/Tuan/Puan,

**ATURCARA PEROLEHAN BAGI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI
(PINDAAN)**

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menerangkan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai pindaan Aturcara perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan Universiti.

Pindaan Para 1.7 Pekeliling Bendahari Bil 11/2001

- "Memecahkan kecilkan jumlah pembelian iaitu menyalahafsirkan **jenis benda dan jelas jenis benda** dan membeli secara berasingan samada secara sengaja atau tidak sengaja tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan." **Dipinda kepada :-**
- Memecahkan kecilkan jumlah pembelian iaitu menyalahafsirkan **setiap jenis barang** dan membeli secara berasingan samada secara sengaja atau tidak sengaja tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Para 4.0 dibawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2002 iaitu kenaikan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan dan perkhidmatan menyatakan bagi memudahkan proses perolehan, klasifikasi bekalan mengikut 'satu jenis item atau kelas jenis item' yang terdapat dalam AP 170.1, AP 171.1, AP 173.1 dan AP 184.2(ii) dengan ini digantikan dengan klasifikasi mengikut 'setiap jenis barang'.

Manakala Lampiran A Para 2.0 dibawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 tahun 2002 iaitu kelulusan pihak MITI hendaklah diperolehi terlebih dahulu sekiranya bahan/barangan import bernilai melebihi RM50 ribu hendak digunakan. Perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam Negara (*ex-stock*) dan bernilai melebihi RM50 ribu memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum perolehan bahan/barangan tersebut dibuat.

Bahan/barangan yang bernilai melebihi RM200 ribu bagi satu kontrak yang dibenarkan diimport hendaklah dilaksanakan secara ***Free On Board (FOB)***.

Lembaga Pengarah Universiti pada mesyuarat Bil.22/2006 bertarikh 27 November 2006 telah meluluskan pindaan dan mengesahkan Para 4.0 dibawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2002 dan Lampiran A Para 2.0 dibawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 tahun 2002 di terimapakai.

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan. Dengan ini Pekeliling Bendahari Bil.11/2001 iaitu **ATURCARA BAGI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI** iaitu para **1.7** adalah dipinda.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg.Prof/Tuan/Puan supaya dapat memanjangkan kepada pegawai PTJ yang berkenaan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari
Samb.4537050

- s.k - Rektor
- Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan)